



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA



KENYATAAN MEDIA JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

“PERASMIAN BANGUNAN BAHARU JPJ MUAR, JOHOR”

Muar, Johor 1 Ogos 2024 - YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan Malaysia telah menyempurnakan Majlis Perasmian Bangunan Baharu Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Cawangan Muar, Johor yang merupakan manifestasi Kementerian Pengangkutan Malaysia melalui JPJ untuk penyampaian perkhidmatan yang lebih berkualiti kepada rakyat.

Projek Pembangunan Bangunan Dua (2) Tingkat JPJ Cawangan Muar yang telah diluluskan di bawah Rolling Plan 5 Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10) Tahun 2015 dengan peruntukan berjumlah RM19 juta dan berkeluasan 3.02 ekar ini adalah untuk menggantikan bangunan yang sebelum ini telah berlakunya insiden kebakaran dan hampir musnah sepenuhnya pada tahun 2009. Bangunan Baharu JPJ Cawangan Muar ini telah siap pada Julai 2022 dan beroperasi sepenuhnya pada 24 September 2023.

JPJ Cawangan Muar telah menerima purata pelanggan setiap tahun sekitar 85 ribu orang atau 850 pelanggan sehari, dan dengan terbinanya bangunan baharu ini akan dapat memberikan perkhidmatan kepada lebih ramai pelanggan. Projek Pembangunan Baharu Pejabat JPJ Cawangan Muar ini

adalah bukti bahawa Kerajaan sentiasa komited, selari dengan Agenda Malaysia MADANI untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada rakyat di Negeri Johor khususnya penduduk di Daerah Muar dan kawasan-kawasan sekitarnya.

Ke arah itu, Kementerian Pengangkutan Malaysia dan JPJ terus komited untuk menjadikan kemudahan yang lebih selesa serta kondusif dalam memberikan perkhidmatan yang cemerlang pada setiap masa kepada seluruh rakyat dan Negara, menjadikan transformasi kualiti penyampaian perkhidmatan dan penguatkuasaan sebagai budaya pertama di JPJ ke arah menjadi agensi pengurusan penguatkuasaan jalan bertaraf dunia menjelang 2030.

**JABATAN PENGANGKUTAN JALAN
MALAYSIA**

1 OGOS 2024

[TAMAT]